

KENYATAAN

DATO' SRI NAJIB RAZAK

1. Sepanjang saya menjalani hukuman penjara selama 26 bulan dan susulan pelbagai perkembangan terkini yang signifikan berkaitan dengan 1MDB, saya terpanggil untuk membuat kenyataan berikut:
2. Pertama sekali, setiap hari saya berasa amat terluka mengetahui bahawa skandal 1MDB berlaku semasa di bawah pengawasan saya sebagai Menteri Kewangan dan Perdana Menteri. Tiada lain yang dapat saya nyatakan selain memohon maaf secara terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia.
3. Perbicaraan mahkamah baru-baru ini dan sabitan kes terhadap eksekutif PetroSaudi di mahkamah Switzerland dan artikel terkini yang diterbitkan oleh The Edge yang berdasarkan kepada analisa mereka terhadap kes tersebut serta e-mel dalaman PetroSaudi, sekali lagi membuktikan bahawa saya bukanlah dalang dan tidak bersekongkol dengan Jho Low untuk menyeleweng dana 1MDB.

4. Rumusan daripada artikel yang diterbitkan oleh The Edge telah menyatakan bahawa PetroSaudi dan Jho Low bersekongkol untuk memperdayakan saya. Saya tidak sedar bahawa PetroSaudi telah mengalihkan dana 1MDB dan saya dengan tidak sengaja menerima wang daripada dana yang telah dihantar oleh 1MDB kepada PetroSaudi.
5. Walaupun sukar bagi sesetengah pihak untuk memahami, saya telah dinasihati dan dengan jujur mempercayai pada masa itu bahawa dana yang saya terima adalah merupakan sumbangan politik daripada Kerajaan Arab Saudi. Sepertimana yang telah ditetapkan dalam prosiding mahkamah, memang terdapat dua sumbangan besar yang disahkan pada tahun 2010 diterima daripada Kerajaan Arab Saudi. Sumbangan tersebut tidak pernah menjadi subjek dalam mana-mana prosiding jenayah atau sivil.
6. Apabila berlakunya kebimbangan dan pelbagai pihak mula mempersoalkan apa yang berlaku di 1MDB, saya sepatutnya mengambil tindakan yang berbeza. Saya telah mengarahkan pelbagai siasatan dijalankan namun saya cenderung untuk mempercayai penjelasan oleh lembaga pengarah dan pihak pengurusan 1MDB. Apabila saya mula curiga tentang apa yang sebenarnya berlaku di 1MDB, kebimbangan utama saya adalah kepada kedudukan kewangannya dan risiko yang

ditimbulkannya terhadap hubungan diplomatik dan dua hala di peringkat tertinggi.

7. Saya telah pun dihukum atas tanggungjawab yang telah saya pikul walaupun dengan jelas saya bukanlah dalang kepada skandal 1MDB dan tidak pernah sekalipun bersekongkol dengan Jho Low. Saya tidak sepatutnya menjadi mangsa dari segi undang-undang. Saya masih lagi terkejut dengan mendalam apabila mengetahui kini kepincangan, perbuatan yang tidak bermoral dan tidak berperikemanusiaan serta pelanggaran undang-undang yang telah berlaku di 1MDB.

8. Saya amat kesal dengan apa yang telah berlaku di SRC dan 1MDB. Namun dipertanggungjawabkan secara undang-undang untuk perkara yang saya tidak mulakan atau sengaja benarkan adalah tidak adil kepada saya dan saya berharap serta berdoa agar proses keadilan akan memihak kepada saya dan membuktikan saya tidak bersalah.

24 OCTOBER 2024

MEDIA STATEMENT

DATO' SRI NAJIB RAZAK

1. After much reflection over the course of 26 months in prison and following significant recent developments relating to 1MDB, I have decided to make the following statement.
2. First and foremost, it pains me every day to know that the 1MDB debacle happened under my watch as Minister of Finance and Prime Minister. For that, I would like to apologise unreservedly to the Malaysian people.
3. The recent court hearings and conviction of the PetroSaudi executives in the Switzerland courts as well as the recent article by The Edge, based on their analysis of the case as well as internal PetroSaudi emails in their possession again proves that I am not the mastermind and did not collaborate with Jho Low in deceiving 1MDB of its funds.
4. The Edge had reached a conclusion in their article that PetroSaudi and Jho Low had collaborated to deceive me, that I was not aware that Petrosaudi was siphoning 1MDB funds and

that I did not knowingly receive any money from the funds sent by 1MDB to PetroSaudi.

5. As hard as it is for some people to fathom, I was advised and honestly believed at the time that the funds I received were political donations from Saudia Arabia. As established by court proceedings, there were indeed two confirmed large donations in 2010 from the Government of Saudia Arabia. Those were not the subject of any criminal nor civil proceedings.
6. With the benefit of hindsight when various parties began to question what was happening at 1MDB I should have acted differently. I did initiate various investigations but I was inclined to believe the explanations by the board and management. And then when I became suspicious about what was actually transpiring at 1MDB, my immediate concerns were its financial predicaments and the risk it posed to diplomatic and bilateral relations at the highest level.
7. I have already been punished politically but as I am clearly not the mastermind and neither did I collaborate with Jho Low as recent events have shown, I should not be victimized legally too. I am still in deep shock knowing now the extent of the

wretched and unconscionable shenanigans, and illegal things that happened in 1MDB.

8. I deeply regret what has taken place at SRC and 1MDB. However, being held legally responsible for things that I did not initiate or knowingly enable is unfair to me and I hope and pray that the judicial process will, in the end, prove my innocence.

END